# Bahasa Suluk

**Bahasa Suluk** atau **Bahasa Tausug** ialah bahasa yang dituturkan di Kepulauan Sulu, Malaysia (sebahagian kecil kawasan di Sabah), Mindanao, Filipina dan Kalimantan, Indonesia oleh orang Tausug. Bahasa suluk dikenali oleh bangsa Tagalog sebagai *Wikang Tausug*, manakala orang-orang Cebuano mengenali Bahasa Tausug sebagai *Tinausug*.

## Isi kandungan


**Sejarah**

**Tatabahasa**

- Kata Ganti Nama Diri
  - Kata Ganti Nama Diri Asas
  - Kata Ganti Nama Diri Kepunyaan
  - Kata Ganti Nama Diri Kepemilikan
- Penanda Artikel
  - In
- Kata tanya
- Kata-kata lain
  - "Sa"
  - "Bah"
  - "Kuan"
  - "Anna", "aina" dan "uina"
  - "Na"

**adlau**


**Bahasa Suluk**

**Bahasa Sūg**

**Bahasa Suluk**

بهَسَ سُوگ

| | |
|---|---|
| **Asli di** | Filipina,<br>Malaysia (Sabah)<br>Indonesia (Kalimantan) |
| **Wilayah** | Sulu; Jolo; Lugus; Tapul; Siasi; Pulau Palawan; Pulau Basilan; Tawi-Tawi; Kota Zamboanga; North Borneo (Sabah); Sandakan; Lahad Datu; Kudat; Semporna; Pulau Banggi; Likas; Kota Kinabalu. |
| **Penutur asli** | 1.1 juta (*tiada tarikh*) |
| **Keluarga bahasa** | Bahasa Austronesian<br>▪ Malayo-Polynesia<br>▪ Filipina<br>▪ Filipina Tengah<br>▪ Visaya<br>▪ Selatan Visaya<br>▪ **Bahasa Suluk** |
| **Sistem penulisan** | Rumi<br>Jawi |
| | **Kod bahasa** |
| **ISO 639-3** | `tsg` |

## Sejarah

Mengikut sejarah, bahasa asal Tausug atau Suluk sebenarnya adalah dari bahasa asal Orang Tagimaha (Taguima dari Basilan). Tetapi ada lagenda yang mengatakan, suku Suluk ini merupakan suku Kadazandusun yang hanyut ke laut melalui sungai sugut kerana telah melanggar pantang larang dan tidak dapat kembali ke tempat asal. Suku yang hanyut ini kemudiannya mengalami perubahan dalam bahasa pertuturan mereka kerana banyak bercampur dengan orang laut, namun sebahagian besar perkataan Kadazandusun masih digunakan. Tetapi lagenda itu tidak berasas kerana tamadun Suluk sudah mula dimasuki golongan Islam sejak kurun ke-14. Tamadun Suluk juga sudah diketahui seawal kurun ke-8, sezaman dengan Tamadun Srivijaya. Sebelum memeluk Islam, masyarakat Suluk dipercayai menganut agama tauhid Nabi Ibrahim. Manakala bagi Kadazandusun, tiada catatan daripada tamadun mereka. Kadazandusun hanya mula diketahui sekitar kurun ke 20. Berdasarkan fakta tersebut, lagenda itu adalah tidak berasas.

Bahasa Tausug adalah bahasa perantara atau *lingua franca* sebelum era kesultanannya lagi hingga kini. Etnik Suluk berasal dari rumpun Melayu-Austronesia (Polenesia) sebagai mana masyarakat Nusantara di sekitarnya. Etnik Suluk juga merupakan diantara penduduk Peribumi atau Bumiputera Sabah. Bahasa Sug yang mereka tutur adalah mirip Bahasa Melayu lama bercampur Bahasa Arab dan bahasa etnik lain di sekitar Sulu dan Mindanao.

Suku kaum Suluk atau Tausug juga punya beberapa dialek atau slanga mengikut kawasan atau daerah di antaranya ialah slanga Tausug Tapul, Tausug Basilan, Tausug Lugus, Gimbahanun, Luwuk dan lain-lain. Unsur-unsur bahasa Jawa juga ada terdapat dalam bahasa Sug ini tidaklah menghairankan kerana rumpun Melayu di rantau Nusantara ini antara satu sama lain ada similaritinya.

Ini disebabkan kekuasaan kerajaan Srivijaya dan Majapahit di tanah Jawa pernah mempengaruhi daerah-daerah sekitar wilayah Kepulauan Sulu sebagaimana sebelum kemunculan kerajaan awal Melayu Melaka. Manakala dalam catatan Nagarakretagama Majapahit, kepulauan Sulu dipanggil "Solot". Kepulauan Sulu juga dinamakan "Banjar Kulan" (Little Banjar) oleh orang Kalimantan kerana memiliki hubungan sejarah lama dengan Banjarmasin. Maka setelah kedatangan Islam muncullah Kesultanan Sulu sekitar tahun 1457 M dan pemerintahan Sultan-Sultan Sulu berlangsung begitu lama yang menyumbang kepada Bahasa Sug terus bertahan hingga hari ini.

Semasa kegemilangan pentadbiran Kesultanan Sulu dahulu Bahasa Suluk adalah Lingua-Franca di wilayah kesultanannya yang merangkumi Jolo, Tawi-Tawi, Basilan-Zamboanga, Palawan dan North Borneo (Sabah).

Pakaian tradisi orang Tausug

Sultan Sulu terakhir, Sultan Jamalul Kiram II (wafat 1936)

dengan parang Sulu (Barong) di pinggang dan kain ridah disangkut di bahu

# Tatabahasa

Tatabahasa Bahasa Suluk adalah berbeza dengan Bahasa Melayu walaupun berjiran senegara sahaja. Ia mempunyai tatabahasa berbentuk Bahasa Filipina (*pola ayat: Kata Kerja + Subjek + Objek*, *Predikat + Subjek*), jadi cara penuturan mereka juga agak berbeza dengan ketiadaan bunyi "E" (*spt: G"e"lang, S"e"mut, B"e"lut* ) dan hanya mempunyai huruf vokal A, I, U dan O dan beberapa diftong. Berikut adalah beberapa hukum tatabahasa Bahasa Suluk.

## Kata Ganti Nama Diri

Terdapat tiga jenis kata ganti nama diri dalam Bahasa Suluk iaitu **kata ganti nama diri asas**, **kata ganti nama diri kepunyaan** dan **kata ganti nama diri kepemilikan**.

### Kata Ganti Nama Diri Asas

Kata ganti nama diri ini digunakan dalam ayat kata kerja transitif aktif (sebagai pelaku), kata kerja pasif (sebagai penyambut) dan untuk menerangkan keadaan diri.

| Kata Ganti Nama Diri Asas | | Tunggal | Jamak |
|---|---|---|---|
| **Pertama** | **eksklusif** | *aku* | *kita*<br>(dua orang) |
| | | | *kami* |
| | **inklusif** | *kitaniyu* | |
| **Kedua** | | *ikaw/kaw* | *kamu* |
| **Ketiga** | | *siya* | *sila* |

Contoh ayat:

- *"Mastal **aku** sin iskul yan."* **Aku** cikgu sekolah itu.
- *"Nagdihil **siya** manuk kan Ali."* **Dia** bagi ayam kepada Ali.
- *"tawagun ta **kaw** bang dum na."* Aku panggil **kau** bila sudah malam.

### Kata Ganti Nama Diri Kepunyaan

Kata Ganti Nama Diri Kepunyaan digunakan untuk menerangkan kepunyaan sesuatu barang, serta sebagai pelaku dalam ayat kata kerja transitif pasif.

| Kata Ganti Nama<br>Diri Kepunyaan | | Tunggal | Jamak |
|---|---|---|---|
| **Pertama** | **eksklusif** | *ku* | *ta/natu*<br>(dua orang) |
| | | | *namû* |
| | **inklusif** | *natû* | |
| **Kedua** | | *mu* | *niyu* |
| **Ketiga** | | *niya* | *nila* |

Contoh ayat:

- *"Yan in bay **ku**."* Itu rumah**ku**.
- *"Unu in bihun **niya**?"* Apa yang mau dibeli**nya**?
- *"Hipanglutu **natu** sin lutuan in luwag"* **Kita** masak makanan itu dengan senduk.

### Kata Ganti Nama Diri Kepemilikan

Digunakan untuk menerangkan kepemilikkan sesuatu barang serta penerima kata kerja yang dilakukan.

| Kata Ganti Nama Diri Kepemilikan | | Tunggal | Jamak |
|---|---|---|---|
| **Pertama** | **Eksklusif** | *kakû* | *katû* *(dua orang)* |
| | | | *kamû* |
| | **Inklusif** | *katû niyu* | |
| **Kedua** | | *kaymu* | *kaniyu* |
| **Ketiga** | | *kaniya* | *kanila* |

Contoh ayat:

- *"Nagsulat aku sin panawag-tawag ini **kaymu**."* Aku tulis peringatan ini **untuk kau**.
- *"In katan barang ha-taas lamisahan yan **kaku**."* Semua barang di atas meja itu **aku punya**."

## Penanda Artikel

Seperti apa yang terwujud dalam Keluarga Bahasa Filipina, Bahasa Suluk mempunyai satu tatabahasa unik yang ternyata tidak terdapat dalam Bahasa Melayu iaitu **Penanda Artikel**. Bahasa Suluk mempunyai hanya 2 sahaja Penanda Artikel (*IN* dan *HA*) dan bukan seperti Bahasa Filipina yang lain yang mempunyai kebiasaannya 3 Penanda Artikel (cth: Bahasa Tagalog; *ANG*, *NG* dan *SA*). Buat seseorang yang fasih dalam bahasa Tagalog, maka yang sesiapa ingin belajar Suluk adalah senang kerana hampir separuh tatabahasa Suluk sama seperti Tagalog, perbezaan antara dua bahasa itu hanyalah dalam perbendaharaan (*kosakata*).

### In

Dalam Bahasa Suluk, "in" digunakan untuk mengsubjekkan perkataan dalam satu ayat, bak dikatakan seperti untuk difokuskan. Penggunaannya sama seperti "ang" dalam Bahasa Tagalog dan "the" dalam Bahasa Inggeris.

"in" diguna didepan perkataan yang ingin difokuskan, sebagai contoh:

"Aku bercinta/sayang akan suamiku/isteriku"

| Kata Kerja | KGNDS | Penanda Artikel | Kata Kerja | KGNDS |
|---|---|---|---|---|
| Kalasahan | | i | | ku |
| *bercinta* | *ku* | *ini* | *suami/isteri* | *ku* |

"Lembu itu telah lompat"

| Kata Kerja | Penanda Artikel | Kata Nama |
|---|---|---|
| Limaksu | in | sapi' |
| *telah lompat* | *ini* | *lembu* |

## Kata tanya

Bahasa Tausug mempunyai **Kata Tanya** atau **Kata Soal** yang sama tatabahasa seperti Bahasa Melayu, hanya sedikit sahaja perbezaan iaitu Kata Soal bagi "Bila" **(Kànu)** dan "Mana" **(Haín)**, mempunyai bentuk istimewa iaitu *Bentuk Lepas* (sesuatu perkara yang sudah berlaku) dan *Bentuk Akan* (sesuatu perkara yang akan berlaku).

Pangasubu (Kata Tanya)

| **Bahasa Melayu** | | **Bahasa Tausug** | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **Bentuk Biasa** | **Bentuk Lepas** | **Bentuk Akan** |
| **Apa** | | *Unu* | - | - |
| **Siapa** | Biasa | *Hisiyu* | - | - |
| | Kepunyaan barang | *Kansiyu* | - | - |
| **Mengapa/Kenapa** | | *Maytâ* | - | - |
| **Bila** | | *Kânu* | *Kahnu* | *Kuhnu* |
| **Mana** | | *Haín* | *Piyakaín,* *Daíng Haín* | *Pakaín* |
| **Bagaimana** **(Fungsi Barang)** | Menyoal fungsi barang | *Biyariín,* *Biyâdiín* | - | - |
| | Menyoal keadaan | *Mâunu-unu,* *Mâunu* | - | - |

## Kata-kata lain

### "Sa"

Perkataan "sa" digunakan sebagai kata penguat atau penegas dalam Bahasa Suluk dan biasa digunakan dalam pergaulan seharian. Sebagai contoh:

- Bunnal sa yadtu - Benar sa itu.
- Mataud na sa ini - Banyak sudah sa ini.
- Aun da sa yan - Ada jugak sa itu.
- Putingan sa yan sia - Penipu sa itu dia.

### "Bah"

Perkataan "bah" digunakan dalam Bahasa Suluk dalam dua keadaan, yaitu:

- sebagai kata penyudah
- sebagai kata penguat atau penegas.

Biasanya, perkataan "bah" disebut sebagai "vah" kerana orang Suluk akan mengeluarkan bunyi seakan-akan "v" ketika kedudukan bibir seperti ingin menyebut "b".

Contoh:

- Perkataan "bah" sebagai kata penyudah:
  - Hoon bah - Ya, bah.
  - Bukun bah - Bukan, bah.
  - Ikau na bah - Kaulah, bah.
- Perkataan "bah" sebagai kata penguat:
  - Maita' bah kau ini? - Kenapa bah kau ini?
  - Mataas sugha na bah tuwi' ini - Tengahari sudah bah pulak ini.
  - Hundung na bah kau kunu' - Diamlah, bah kau konon!

### "Kuan"

Perkataan ini digunakan sebagai panggilan untuk seseorang atau sesuatu yang tidak dapat dipastikan. Perkataan ini sama penggunaannya dengan perkataan "anu" dalam Bahasa Melayu Sabah.

Contoh penggunaan "kuan" ialah:

- Hariin na hi kuan yan? - Mana sudah si anu itu?
- Hi kuan na sa yan in nag larak - Si anu lah sa itu yang kasi rosak.
- Subai sa yan kuan-un, lamurun pamaapah, ampa masarap! - Mesti sa itu dikasi anu, dicampur perempah, baru sedap!
- Ha kuan na kamu nagbubutang? Ha Likas? - Di anu sudah kamu tinggal? Di Likas?
- Mag-kuan da sa yan, mag-tawag da mari. - Menganu juga sa itu, menelefon juga kesini.

### "Anna", "aina" dan "uina"

Perkataan-perkataan ini bertindak sebagai kata seru untuk menyatakan perasaan kecewa, marah, terkejut atau hairan secara bergurau.

Contohnya:

| Bahasa Suluk | Bahasa Melayu |
|---|---|
| Anna, in bata' ini, matughas uu tuud! | Aduhai, keras kepala betul budak ini! |
| Aina, ayau kau maglangug? | Kau jangan bergurau! |
| Uina, biya' sa kau yan tau dayahan! | Alahai, macamlah kamu itu orang kaya! |

### "Na"

Maksud asal perkataan "na" ini adalah seperti perkataan "sudah/lah" contohnya "naubus na" yang bermaksud "habis sudah". Namun, penggunaan kata "na" ini adalah meluas dan boleh berubah daripada maksud asalnya. Kata na ini selalunya digunakan untuk memulakan perbualan atau menutup perbualan. Penggunaannya samalah seperti penggunaan kata "bah" dalam Bahasa Melayu Sabah contohnya "bah, balik dulu kami" atau "bah, kau tahu lah perangai si anu tu".

Contohnya:

| Bahasa Suluk | Bahasa Melayu Sabah |
|---|---|
| Na, biya'diin kita adlau yan? | Na, bagaimana kita hari ini? |
| Na, mui' na kami baghai! | Na, pulang lah kami kawan! |
| Na rayang, kiyangug na in tau ini! | Na dayang, gila sudah orang ini! |
| na, biyadtu na sa yan in isturi niya. | Na, begitu lah sa itu ceritanya. |

# adlau

Berikut ialah senarai perkataan Bahasa Suluk dan maknanya dalam Bahasa Melayu.

Senarai perkataan Bahasa Suluk-Bahasa Melayu

| Bahasa Suluk | Bahasa Melayu |
|---|---|
| Akun | mengaku, setuju |
| Arui, arai | aduh (kata seru) |
| Aghak-aghak | agak-agak, perlahan-lahan, hati-hati |
| Aku | aku |
| Ikau | kau |
| Ammal | amal |
| Ampuna | ampun |
| Anak | anak |
| Hangin | angin |
| Asal | asal, asli, memang |
| Atup | atap |
| Hatul | atur |
| Bassa | baca |
| Baran | badan |
| Badju | baju |
| Biya' | bak, seperti |
| Baldi | baldi |
| Ba'ghu | baru |
| Ba'lus | basi |
| Burak | bedak |
| Bag | beg |
| Bih | beli |
| Bunnar | benar |
| Bughas | beras |
| Bayta' | berita |

timulak - bertolak

baruba - berubah

basi' - besi

bitis - betis

bissara - bicara/cakap

bilu - biru

bisu - bisu/pekak

bula - bola

biugbug - bubur

bukun - bukan

bugit - buang

bukid/bud - bukit

buk - buku

bulan - bulan

buta - buta

sahaya - cahaya

sapat - cepat

samin - cermin

sinsing - cincing

sumping - bunga

sulai - cuba

suka - cuka

sukai - cukai/belanja

sarang - cukup/sedang

dughu' - darah

datung/ratung - datang

dungug - dengar

jangki - dengki

sia - dia

ha-taas - diatas

dunya - dunia

ipul - epal

hughut - erat

pikil - fikir

gadja - gajah

gatas - susu

ghanti - ganti

ubus - habis

bantut - pondan/bapok

bugit - buang

bagai - sahabat/kawan

bati' - bangun/jaga dari tidur

busung - balasan/tulah

buyuk - tidak adil/main tipu

atai - hati

ilung - hidung

itum - hitam

ulan - hujan

ipag - ipar

astana/istana - istana

jagha - jaga

dalan/daan - jalan/laluan

jambangan - jambangan

pungut - janggut

jukup - cukup

janji' - janji

jantung - jantung

siki - kaki

kalu-kalu - kalau-kalau/harap-harap

murah-murahan - semoga

kappal - kapal

kasi - kasih

ikau - kau

dayahan - kaya

kahuy - kayu

kuriput/kurikut - kedekut

tughas - keras/tegas

kabau - kerbau

karita' - kereta

kaatas - kertas

kaghang - ketam

katawa - ketawa

katurunan - keturunan

kilat - kilat

kipas - kipas

kunu' - konon

kuppia - kopiah/songkok

kusug - kuat

kubul - kubur

kuting - kucing

kura' - kuda

bianing - kuning

kulang - kurang

kughita - kurita

lara - lada

ladju - laju

ilau - lampu/silau/berkilau

langit - langit

labih - lebih

lumus/lu'mus - lemas

lira' - lidah

ma-halgha - mahal

ma-luman - malu

ma-pansung - mancung/pancung

kari - mari

ma-asum - masam

ma-asin - masin

maskid - masjid

mata - mata

silawak - teriak/menjerit

matai - mati

harap - menghadap/hadap

manjari - boleh/menjadi

inum - minum

miskin - miskin

muna/una - mula

mui' - mulik/pulang

babbal - bebal

umbul - nombor

niya - nya

nyawah - nyawa

ama' - ayah/bapa

apu' - atuk/datuk/nenek

ina' - ibu/emak

pak/ama-un - pakcik/bapa saudara

babu'/ina-un - makcik/ibu saudara

bahu - bahu

bidda' - beza

biyaksa - biasa/selalu/kerap

budjang - bujang

bul-bul - bulu-bulu

catcat - cacat

dahun - dahan

gallang - gelang

ghimba - rimba/hutan

ghipit - sepit/kepit/himpit

ha-baba' - dibawah

halta' - harta

halu-bilu - haru-biru

hamut - harum/wangi

hang-gatus - seratus

hang-libu/hangibu - seribu

hang-kalupa - serupa

hang-kaummul - seumur

hang-pu' - sepuluh

hang-tungah - setengah/separuh

hibuk - bising/hiruk-pikuk

hilu-hala' - huru-hara

hilut - urut

hubus - habis

hukum/sara' - hukum/syarak

hunit - rumit

iban - kawan

iban - dengan/dan

iman - iman

iskul - sekolah

jaman - zaman

kaba'-kaba' - kupu-kupu/rama-rama

kalangan - lagu/karangan

kambal - kembar

kandi'i - kendiri/sendiri

katcau - kacau/ganggu

kiring - miring

kulap - kurap

kummi'/bingkuk - kemek/bengkok

kunsi'/kandaru - kunci/kendadu

lammah - lemah

lanjang - tinggi

lapuran - laporan

larak - rosak/hancur

laud - laut

libut - pusing/liputan

lidjiki' - rezeki

luha' - luahan/air mata

lupah - rupa

mag-ayil - berwhudu'

bahagi' - bahagi

mag-buka' - berbuka puasa/sungkai

mag-daghang - menjual/berdagang

mag-duwa'a - berdoa

mag-puasa - berpuasa

sumbahayang/sambahayang - sembahyang

mag-tangis - menangis

mag-untas - melintas

ma-ingat - bijak/pandai

malara - pedas/pedih/melara

mangayu' - meminta/merayu

ma-pait - pahit

nangiram - mengidam

mag-anak - beranak

kiyalupahan - terlupa/kelupaan

pag-hukut - pengikat/tali

pa'a/paha - paha

palangai - perangai

panji - panji/bendera

parasahan - perasaan

perintah - perintah

pasal - pasal/sebab/tentang

pilak - perak

pitcil - pecer

pila - berapa

pinda - pindah

punglu' - peluru

pusud - pusat

puti' - putih

sabbut - sebut

sabul - pengotor/jijik/cabul

sabun - sabun

sadja/adja - sahaja/saja

sahi - sahih/sah/benar

sai - serai

saing/saeng - pisang

salamat - selamat

salang - sarang

sambung - sambung

sampa' - sampah

sampai - sehingga/sampai

sannang - senang

sandal - tahan/bersandar

sarang-sarang - sedang-sedang/sederhana

sarap - sedap

sasapu - penyapu

lamari - almari

satru' - seteru

saupama - seumpama/contohnya

sayul - sayur

sigpit - sempit

sin - sen/duit

sipa' - sepak

sipug - sipu/tersipu/malu

sium - cium

sugha - suria/matahari

sulat - surat

sulgha' - syurga

supaya - supaya

tainga - telinga

talipun - telefon

ma-tanam - selesa/tenang

tanda' - tanda

tandas - tandas

tanum - tanam

tapuk - tapuk

tau-maas - orang tua/warga emas

taumpa' - terompah/kasut

tayi' - tahi

tayma' - terima

tay-tayan - titian

tuhan - tuhan

tudjuh - tuju

tunang - tunang

tunggal - tunggal

tuppak - tepuk/tepak

tuura - tolak (kata perintah)

turung/tirung - tudung/penutup

tuyup/huyup - tiup

ughat - urat

ulak - teriak/melalak

uli' - pulih/pulang/kembali

ullang - udang

uyum - senyum

uyuman - senyuman

waktu/masa - waktu/masa

yadtu/didtu/du'un - situ/sana/nun

kunisa - lusa

puk-puk - pukul

biinasa - dibinasa/dipukul

liyug/leyog - leher

kantil - katil

pag-bunu'an - peperangan/perbunuhan

nag-langgal - berserempak/berlanggar

sali' - sama/seri

sukal - gula

bai - rumah

kaddai - kedai

pag-puunan - perkumpulan/perhimpunan

kassa' - kaca

napas - nafas

tambuk - gemuk

malatah - banyak cakap/bibiran/melatah

marakag - manja

palla' - lucu

malangug - kuat bergurau

kasanyangan - ketenangan/kesenangan

liitupan - dilitupi

panayaman - permainan

rusa/dusa - dosa

laban - lawan/musuh

misalan - misalnya/contoh

jaum - jarum

ais - ais

mag-sukul - terima kasih/bersyukur

tindug - berdiri

lingkud - duduk

kaku - masuk

ghua' - keluar

maisug - berani

makusug - kuat

sugha - suria

lansuk - lilin

sunug - kebakaran

iban - kawan/dan/dengan

bidda' - beza

badju - baju

malingkat - cantik

mangi' - tak baik/buruk

mangihi' - kencing

mangintau' - buang air besar/berak

manau-manau - jalan-jalan

kili'/dupang/kangug - gila/bodoh/bangang

sumping - bunga

malayu' - jauh

sambi' - tukar/ganti

suru' - sudu

bata' - budak/muda

maas - tua

tau - orang

kaingatan - tahu

sung na - jom lah

kumaun - makan

marayau - baik

duuyan - durian

biya'diin - bagaimana

hariin/haain - dimana

ka'nu - bila (sudah berlalu)

ku'nu - bila (akan berlaku)

mainaat - pagi

dum - malam

mahapun - petang

mataas sugha - tengahari

bang - kalau

bana - suami

asawa - isteri

maghulang - abang/kakak

manghud - adik

otoh/oto' - panggilan untuk adik lelaki/abang/teruna

indah/inda' - panggilan untuk adik perempuan/kakak perempuan/gadis

baghay - sahabat/kawan/teman

sigha - rokok

atawa - atau

mag-adjal - memasak

muwi' - hendak pulang

minuwi' - telah pulang

uwi' - pulang (kata perintah)

uli' - kembali/sembuh

ulian/uli'ah - kembalikan (kata perintah)

nauli' - telah dikembalikan/ telah sembuh

matai - mati

patai/miyatai - telah mati

piyatai - dimatikan

pataya - matikan (kata perintah)

usug - lelaki

babaih - perempuan

siika' - teman wanita

---

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Suluk&oldid=4721225"

**Laman ini kali terakhir disunting pada 21:13, 16 Februari 2020.**

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.